

UDA terkejut pusat beli-belah ikonik di Kuala Lumpur bakal tinggal sejarah

BB Plaza diroboh untuk MRT

Oleh SUHANA MD. YUSOP
dan NOR IDAYU BOSRO
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Pusat beli-belah ikonik di ibu negara, Plaza Bukit Bintang (BB Plaza) milik UDA Holdings Berhad (UDA) dijangka akan dirobohkan sepenuhnya pada awal tahun hadapan.



SYED AHMAD NAZRI

Langkah itu diambil bagi memberi laluan kepada pembinaan projek stesen bawah tanah Transit Pantas Massa (MRT) oleh MRT Corp Sdn. Bhd. (MRT Corp).

Timbalan Presiden kanan UDA Holdings Berhad, Syed Ahmad Nazri Syed Kamaruzaman berkata, perkara itu dimaklumkan oleh MRT Corp yang bertindak sebagai koordinator projek berkenaan.

Menurutnya, MRT Corp memberi masa sehingga akhir tahun ini kepada peniaga termasuk kakitangan UDA untuk mengosongkan bangunan tersebut.

“Kami terkejut apabila diberitahu secara lisan yang kami terpaksa menyerahkan premis yang sudah UDA urus selama 38 tahun dan ada kira-kira 60 pe-



BANGUNAN BB Plaza di Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

ratus peniaga Bumiputera itu kepada MRT.

“Peniaga pula diminta mengosongkan bangunan di bahagian hadapan BB Plaza akhir bulan ini diikuti penyewa lain menjelang akhir tahun,” katanya pada sidang akhbar selepas sesi dialog bersama peniaga dan penyewa BB Plaza di sini semalam.

Terdahulu, notis pengosongan bangunan telah dikeluarkan kepada tiga pe-

nyewa di laluan pejalan kaki di hadapan BB Plaza iaitu Starbucks Coffee, Gloria Jean dan Hot & Roll.

MRT Corp dikatakan merancang mengambil alih tanah di hadapan BB Plaza bersebelahan bangunan Yayasan Selangor dengan melibatkan kedua-dua bangunan itu untuk memulakan kerja membina stesen bawah tanah yang merupakan sebahagian daripada 13 stesen yang akan dibina bagi

laluan MRT Sungai Buloh-Kajang sepanjang 51 kilometer.

Mengenai permintaan menggantikan lokasi lain kepada peniaga dan penyewa, Syed Ahmad Nazri memberitahu, pihaknya mempunyai beberapa pusat beli-belah lain di sekitar ibu kota seperti Pudu Sentral dan Jaya Suria.

Tambah beliau, pihaknya akan berunding dengan MRT Corp supaya kerja-kerja pembinaan dapat ditunda untuk tempoh enam bulan lagi.

“Ini bagi memastikan peniaga dapat menjalankan perniagaan mereka sehingga Hari Raya Aidilfitri,” ujarnya.

Berhubung permintaan penyewa mengenai penangguhan kerja-kerja pembinaan projek stesen MRT, pihaknya akan memanjangkan perkara tersebut kepada MRT Corp dan Kementerian Kewangan.

“Kami perlu masa seminggu untuk cadangan menganjurkan perbincangan antara MRT Corp, UDA Holdings dan penyewa,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp, Amir Mahmood Razak ketika dihubungi enggan mengulas lanjut tetapi berkata, satu kenyataan akhbar akan dikeluarkan pada hari ini.